

14 OCT 2003

OIC-Mesyuarat

MESYUARAT MENTERI LUAR OIC MASUK HARI KEDUA

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Mesyuarat persiapan Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) masuk hari kedua hari ini dengan menteri-menteri itu menyediakan perkara yang akan dibawa pada sidang kemuncak ketua negara dan kerajaan pada Khamis dan Jumaat.

Sejumlah 35 ketua negara dan kerajaan dijangka hadir pada Sidang Kemuncak OIC ke-10 ini di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Bagi prosiding hari ini, sekretariat akan menyiapkan dokumen bagi diterima oleh pada menteri luar itu lewat hari ini.

Semalam, pergolakan di Iraq dan Asia Barat menjadi agenda utama dengan anggota delegasi membincangkan isu mengenai Palestin, Iraq dan serangan udara Israel terhadap Syaria.

Para menteri itu juga membincangkan isu mengenai penyuburan semula OIC, sains dan teknologi bagi pembangunan perindustrian, teknologi maklumat dan komunikasi bagi ummah dan dinar emas bagi perdagangan antarabangsa.

Mesyuarat dua hari 57 anggota pertubuhan itu dipengerusikan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan sidang kemuncak itu, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik sejak penubuhan pertubuhan itu pada 1969.

Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini juga merupakan persidangan terbesar negara Islam sejak serangan penganas pada 11 Sept 2001 terhadap Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

JM MKO RON